



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 2 JUN 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	HEATWAVE NOT A DETERRENT FOR TRUE DURIAN LOVERS, NATION, THE STAR -13 REZEKI CUACA PANAS, HASIL BUAH TEMBIKAI MENINGKAT 50 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -33 DURIAN LUAR BIASA SAMPAI OKTOBER, NEGARA, KOSMO -14 UDANG MERAH DARI KAWASAN BUKIT MELAKA JADI REBUTAN, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	REZEKI BERGANDA JUAL LEMBU KORBAN, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	20 NELAYAN VIETNAM DITAHAN CEROBOK PERAIRAN NEGARA, LOKAL, HM -5 VIETNAMESE FISHING BOAT, EQUIPMENT WORTH RM1.5m SEIZED, NEWS, NST -12 ALIEN FISH THREAT TO ECOSYSTEM, LETTERS, NST -20 BENIH PATIN KEMBALI STABIL OKTOBER INI, NEGARA, KOSMO -12 9.12 JUTA BENIH IKAN PATIN DIJANGKA DIKELUARKAN OKTOBER INI, DALAM NEGERI, UM -30 45 EKOR PATIN BUAH HADIAH KESABARAN, LOKAL, HM -29 20 NELAYAN VIETNAM DITAHAN CEROBOK PERAIRAN NEGARA, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13. 14.	CUACA, ANGIN TIDAK MENENTU PUNCA PENDARATAN IKAN KURANG DI PORT DICKSON, DALAM NEGERI, UM -31 PENIAGA TERJEJAS HASIL TANGKAPAN IKAN BERKURANG, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
15.	'BENCANA' JEREBU JEJAS KESIHATAN, SEKTOR PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Heatwave not a deterrent for true durian lovers

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

JOHOR BARU: Malaysians are not letting the scorching weather come between them and their durians, which are known to induce "heatiness."

Many are still snapping up the King of Fruits in large quantities, including babysitter Nurul Syahira Ismail, who is looking forward to the durian season.

"I go to my regular stall in Taman Sutera Utama as they have 'buy one, get one free' deals and I can bring home up to 10 durians."

"The current hot weather will not stand between me and my durians. I usually get my family to drink saltwater after a durian

feast to reduce the heatiness.

"It is a practice taught by my mother," said the 39-year-old.

Businessman Peter Ho, 50, also took advantage of the ongoing school holidays to shop for durians with his teenage sons.

"They have been asking me to take them for durians since last week. But the weather was too hot for us to eat it at the stall, so we decided to bring them home."

Stall operator Chew Chye Chooi, who has been farming and selling durians for over 20 years, says he can sell about eight tonnes a day.

"Our durians are usually harvested in mid-June but the season came early this year due to the unstable weather."

"They arrived in the final week

of May, which is a welcome coincidence as it was also the school holiday," he said.

Durian species with small seeds such as D13, D2 and D88 were popular among customers, he added.

Han Sing Kean, who has a durian orchard in Kulai, said his harvest had dropped by about 80% this year due to the weather.

"The durians at my farm are usually in abundance from May to July but the increased rainfall late last year and early this year destroyed the flowers."

"My peers in south Johor such as Kulai, Pontian and Kota Tinggi were all affected by this as durian trees need the sun and rain at the right time to properly thrive and



Tasty treat:

Customers taking their pick at a durian stall in Taman Sutera Utama, Johor Baru. — THOMAS YONG/The Star

flower," he said.

Lim Kim Thiam, a farm owner from Jementah, Segamat said this season's durians might be of lower quality due to the weather.

"With El Nino forecast to take place, it will definitely affect the quantity and quality of the next durian season, which is in August," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Rezeki cuaca panas, hasil buah tembikai meningkat 50 peratus

PEKAN: Cuaca panas yang melanda pada ketika ini memberikan rahmat kepada pekebun tembikai di Kampung Ubai di sini apabila hasil buah itu meningkat 50 peratus musim ini berbanding sebelumnya.

Kebiasaannya, pekebun di situ menuai hasil tembikai antara 10 tan hingga 12 tan semusim, namun musim ini meningkat 15 tan hingga 18 tan.

Rata-rata pekebun tembikai Kampung Ubai menggunakan tanaman tembikai jenis 'Boci' dua kali setahun bermula hujung Disember hingga Mei dan berehat Jun hingga Ogos.

Tempoh antara Jun dan Ogos kebiasaannya pekebun terpaksa berdepan dengan keadaan cuaca yang tidak menentu hingga menyebabkan kos penajaan akan meningkat memandangkan tanaman mudah terdedah kepada penyakit.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Husaini Abdullah, 46, yang sejak 10 tahun lalu menanam tembikai menyifatkan cuaca



PEKEBUN tembikai Kampung Ubai, di Pekan. Pahang menunjukkan buah tembikai yang berkualiti dan lebih baik musim ini berbanding sebelumnya. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

panas melanda negara ketika ini sebagai rahmat khususnye bagi pekebun tembikai.

"Saya bukan sahaja menerima tempahan tembikai sekitar Kuantan dan Pekan malah sehingga Negeri Sembilan serta

Selangor," katanya di sini semalam. Seorang lagi pekebun, Muhammad Ameer Faris Muhammad Akhir, 25, berkata, kebun tembikai seluas 0.6 hektar diwarisi daripada kedua ibu bapanya sejak dua tahun lalu.



Pengusaha bakal raih jualan berganda, pokok berbuah tiga peringkat

Durian luar biasa sampai Oktober

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

JERANTUT – Pengusaha durian musim ini mampu tersenyum lebar apabila hasil durian sama ada durian klon atau Durian Kampung Premium (DKP) agak luar biasa apabila pokok yang sedang berbuah dan luruh masih terus menghasilkan bunga.

Berdasarkan tinjauan *Kosmo!* di sekitar Damak di sini mendapati, pokok-pokok durian yang berbuah dan telah luruh masih mengeluarkan bunga yang banyak sekali gus menjanjikan pendapatan yang baik kepada pengusaha.

Keadaan itu juga dilihat mengembirakan penggemar durian yang bukan sahaja dapat menikmati raja buah dalam tempoh yang lama, malah berpeluang membeli dengan harga

yang lebih murah ketika puncak pengeluaran.

Peraih dan pengusaha Durian Damak, Ahmad Mustapha, 44, berkata, hasil durian di Damak pada kali ini agak luar biasa apabila hampir semua pokok menghasilkan bunga yang banyak dan berperingkat.

"Tahun ini berbeza dari tahun-tahun lepas kerana ia berbuah tidak seperti biasa, buah tengah luruh pun bunga masih ada lagi."

"Saya jangkaan setiap pokok durian kali ini akan melalui tiga peringkat menyebabkan musim durian akan berterusan sehingga ke bulan Oktober," katanya ketika ditemui di Damak di sini semalam.

Menurutnya, hasil yang menjadi pada masa ini disebabkan faktor cuaca kemarau berpanjangan yang membolehkan durian terus berbunga dengan lebat.

Katanya, harga raja buah juga tidak menentu berdasarkan kepada hasil dan permintaan dari semasa ke semasa.

"Pada masa ini harga runcit durian kampung adalah antara RM8 hingga RM10 sekilogram dan (DKP) antara RM15 hingga RM45, manakala musang king adalah antara RM20 hingga RM45 sekilogram," katanya.

Dalam pada itu, seorang pengusaha durian di Damak, Frankie Loh, 42, berkata, raja buah kali ini amat 'istimewa' kerana ia berbuah dan berbunga berterusan yang menjanjikan hasil yang baik kepada pengusaha.

Katanya, meskipun menjangkakan durian 'menjadi' pada musim ini, namun pengusaha lain tidak menjangka hasil luar biasa apabila pokok durian terus berbunga dengan lebat ketika buah mula luruh hujung bulan lalu.

Menurutnya, kebun durian-nya seluas lebih 24 hektar yang ditanam dengan pelbagai jenis durian seperti musang king, duri hitam, tekka dan durian kampung kini menghasilkan buah dan terus berbunga.

"Tahun ini amat istimewa kerana kita boleh lihat buah durian dan bunga yang banyak pada pokok yang sama, mungkin tahun akan datang tidak tahu lagi boleh berlaku atau tidak keadaan macam ini."

"Saya lihat keadaan ini bukan sahaja berlaku di Damak, Jerantut, malah turut berlaku di daerah lain seperti Raub dan Bentong," ujarnya.



AHMAD MUSTAPHA menunjukkan durian damak hasil kebunnya di Damak, Jerantut semalam.

Udang merah dari kawasan bukit Melaka jadi rebutan



PEMINAT durian tidak melepaskan peluang memilih raja buah yang dijual di Malacca Durian Heng, Kampung Baru Bukit Kajang, Melaka semalam.

MELAKA – Durian Udang Merah yang ditanam di kawasan bukit tinggi menjadi rebutan, bukan sahaja penggemar raja buah di negeri ini tetapi peminat dari Sabah dan Sarawak yang datang ke Melaka untuk menikmati keenakan raja buah itu.

Menurut pemilik dusun Malacca Durian Heng, Tan Thian Yew, dusunnya menjual tiga hingga empat tan durian setiap hari dengan 40 peratus daripadanya merupakan Udang Merah.

Katanya, jumlah itu bagaimanapun mampu memecah lebih lima tan pada hujung minggu dengan pelbagai jenis durian ditawarkan termasuk musang king, ioi, black thorn, kahwin dan kampung.

"Udang Merah ini ditanam di kawasan bukit, sebab itu rasanya lebih pekat berbanding durian jenis lain dan menjadi rebutan

ramai, bukan sahaja pelanggan tempatan tetapi ada yang sanggup datang dari Sabah dan Sarawak ke sini untuk menikmati kekenakannya."

"Kulit durian ini lebih kelabu dan warna isinya kuning kemerah-merahan, ramai suka kerana rasanya lebih berlemak dan tidak terlalu manis seperti musang king," katanya ketika ditemui di Bukit Kajang, di sini, semalam.

Tambahnya, beliau juga mengeksport empat tan durian Udang Merah setiap hari ke Singapura susulan menerima permintaan tinggi.

"Luas dusun kami adalah sekitar 40.4 hektar dengan kebanyakannya adalah tanaman pokok udang merah. Kali ini musim durian agak panjang dan hasil dikeluarkan dijangka mampu menampung permintaan sehingga September depan."

"Harga durian udang merah kini RM20 sekilogram, jauh lebih murah berbanding sebelum ini yang bukan musimnya iaitu RM35 sekilogram, durian lain pun murah dengan jenis kampung bermula RM3 dan musang king RM28 sekilogram," katanya.

Sementara itu, seorang penggemar durian, Atikah Zakaria, 47, berkata, dia dan suaminya, Mohd. Ali Mohamed Ismail, 46, sanggup datang dari Ipoh, Perak selepas tertarik dengan promosi udang merah itu di laman sosial TikTok.

"Kami datang selepas selalu tengok Thian Yew buat video menunjukkan isi durian termasuk jenis black thorn, musang king dan udang merah."

"Rasa udang merah di sini memang berbeza kerana ia lebih berlemak dan memang puas hati," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2023	KOSMO	NEGARA	18

Rezeki berganda jual lembu korban

HULU TERENGGANU – Seorang pengusaha rumput napier tidak menyangka cubaannya untuk mempelbagaikan sumber pendapatan keluarga dengan menjual lembu korban telah memberi pendapatan lumayan buatnya.

Mohd. Ridzuan Mamat, 41, berkata, setakat ini, 60 peratus daripada 100 ekor lembu baka KK Cross serta Brahman yang dibawanya dari Thailand sudah habis ditempah bagi ibadah korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha hujung bulan ini.

"Saya membawa masuk lembu-lembu itu untuk ditenak secara fidlot sejak Februari lalu.

"Sambutan terhadap lembu baka import tersebut untuk dijadikan ibadah korban amat menggalakkan. Saya sasar baki 40 ekor lembu itu akan habis dijual pada masa terdekat," katanya ketika ditemui di Kampung Binjai Kertas di sini semalam.

Mohd. Ridzuan berkata, setiap ekor lembu baka KK Cross serta Brahman tersebut



MOHD. RIDZUAN sedang memantau sebahagian lembu ternakannya di Kampung Binjai Kertas, Hulu Terengganu semalam.

mempunyai berat antara 250 kilogram (kg) sehingga 350 kg.

Tambahnya, lembu ternakan terbabit dijual pada harga RM4,500 hingga RM5,600 sekor mengikut saiz dan baka.

"Begitupun, saya tetap fokus kepada penanaman rumput napier jenis 'Pak Chong' untuk dijadikan makanan haiwan ternakan yang telah diusahakan sejak tiga tahun lalu.

"Penjualan lembu korban

sempena Aidiladha ini saya anggap sebagai 'bonus tahunan' bagi mencari pendapatan lebih," jelasnya.

Dalam pada itu, Mohd. Ridzuan mengakui tanaman rumput napier diusahakannya sedikit terjejas ekoran cuaca panas melampau pada masa ini.

"Begitupun saya reda dengan ujian Allah ini. Dia ganti rezeki saya dengan jualan lembu korban pula," katanya.

Kuala Terengganu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan 20 nelayan warga Vietnam selepas dikesan menceroboh perairan negara kira-kira 116 batu nautika dari muara Kuala Terengganu, di sini, Selasa lalu.

Pengarah APMM Terengganu, Kepten Maritim Khairulanur Abd Majid berkata, bot nelayan asing itu ditahan pada jam 1.20 tengah hari selepas bertindak melarikan diri sebelum itu.

Menurutnya, pihaknya sebelum itu melakukan rondaan Op Naga Barat dan Op Kuda Laut mengesan sebuah bot dalam keadaan mencurigakan kira-kira jam 12.30 tengah hari.

“Menyedari kehadiran kapal APMM, bot nelayan terbabit cuba melarikan diri ke

20 nelayan Vietnam ditahan ceroboh perairan negara



BOT nelayan Vietnam yang ditahan APMM.

“Bot nelayan terbabit cuba melarikan diri ke arah sempadan Vietnam

Khairulanur

arah sempadan Vietnam, namun berjaya ditahan.

“Pemeriksaan mendapati tekong bot gagal menunjukkan sebarang kebenaran untuk menangkap ikan di perairan Malaysia.

“Hasil pemeriksaan mendapati terdapat 20 kru termasuk tekong warga Vietnam yang berusia 18 hingga 49 tahun berada di atas bot terbabit,” katanya menerusi kenyataan, di sini, semalam.

Menurutnya, kes akan disiasat mengikut Akta Peri-

kanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

Katanya, pihaknya turut merampas bot, peralatan menangkap ikan, ikan seberat kira-kira 300 kilogram (kg), peralatan komunikasi dan navigasi serta 2,000 liter bekalan diesel dianggarkan berjumlah RM1.5 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2023	NST	NEWS	12



The Vietnamese boat that was seized for illegal fishing off Kuala Terengganu on Tuesday had 20 people on board. PIC COURTESY OF THE MALAYSIAN MARITIME ENFORCEMENT AGENCY

NO PERMIT

Vietnamese fishing boat, equipment worth RM1.5m seized

KUALA TERENGGANU: The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) on Tuesday seized a Vietnamese fishing boat as well as fishing equipment and fish worth a total of RM1.5 million.

Terengganu MMEA director Captain Khairulanuar Abd Majid said the vessel was detained for illegal fishing 116 nautical miles

off the Kuala Terengganu estuary in an operation at 1.20pm.

He said 20 people comprising fishermen and crew, aged between 18 and 49, were also arrested as they did not possess valid identification documents.

"The skipper failed to show a license to fish in Malaysian waters," he said in a statement.

Bernama

PREDATORS

ALIEN FISH THREAT TO ECOSYSTEM

MALAYSIA, like other nations, is facing many issues as a result of a decrease in fish catch, including an increase in costs and a deterioration in the quality of fish. This is exacerbated by the intrusion of foreign fishing vessels, as well as unregulated fishing by local fishing vessels.

These challenges have implications for the food security and economic stability of the country.

Furthermore, the fall in the capture fisheries industry impacts fishing villages.

To address these challenges, alternative industries that supplement or even replace the capture fisheries industry have become increasingly important, like aquaculture, which involves the farming of fish and other aquatic organisms in confined environments, such as ponds and tanks.

There is growing recognition of aquaculture's potential to provide fish protein while also contributing to the economy.

To this end, various initiatives have been implemented.

For example, the Department of Fisheries (DoF) promotes the development of aquaculture, including the provision of technical assistance and training to farmers, the establishment of research and development, and the introduction of policies and regulations to support the sector.

The aquaculture sector in Malaysia is home to nearly 20,000 entrepreneurs.

This sector involves farming fish

which can bring epidemics and mortalities to local species.

To mitigate these problems, aquaculture operators should prioritise the use of indigenous fish species in farming operations to maintain the balance of the ecosystem, promote biodiversity and ensure a sustainable supply of fish to the market.

It is important for aquaculture operators to be knowledgeable about the regulations established by the DoF and to seek its guidance.

Aquaculture operators should possess a deep understanding of the breeding of alien fish species and select an appropriate aquaculture livestock system to minimise the impact on fauna diversity.

Also, regular fish population monitoring and surveillance will help identify and address the presence of invasive species in water systems.

More studies are needed to find new local fish species and to boost the value of the fish in local aquaculture.

Invasive alien fish species have a significant impact on the ecosystem of nearby waters, and there is a lack of quality data on these effects.

We can ensure a healthy and sustainable supply of fish by giving priority to the use of native fish species, while putting in place measures to prevent the dispersion of invasive species in the aquatic ecosystem.

DR NADIRAH MUSA

Associate professor

Aquatic Ecophysiology

Faculty of Fisheries and Food Science

Universiti Malaysia Terengganu



We can ensure a healthy and sustainable supply of fish by giving priority to the use of native fish species in aquaculture.

PIC BY MOHD ADAM ARININ

and other aquatic organisms in freshwater and brackish water. Among the challenges faced by aquaculture operators is to maintain healthy and high-quality fish in the market.

To achieve this, some aquaculture operators resort to breeding alien fish species, which have proven to be lucrative.

But some of these alien fish species are known to be invasive, which will outcompete native or local species.

The aquaculture sector has introduced invasive alien fish species for livestock purposes, which have been assimilated into the water systems for an extended period of time.

African catfish and black tilapia have proliferated. People are becoming more aware about red-tailed catfish in aquatic habitats.

These alien fish are predators and will consume smaller indigenous fish, which can lead to a decline in local fish population and species.

The invasive alien fish may also harbour pathogens that are associated with the spread of new diseases,

Jabatan Perikanan dan pihak swasta bakal keluarkan 912 juta benih ikan itu

Benih patin kembali stabil Oktober ini

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

JERANTUT – Pengeluaran benih patin di Pahang akan kembali stabil selepas-jawatnya Oktober ini. Jabatan Perikanan akan meningkatkan pengeluaran benih ikan itu melalui Pusat Pengembang Akuakultur (PPA) dan pengeluaran benih patin swasta.

Timbalan Pengarah Perikanan Pahang, Muhammad Nur Ashry Bassari berkata, sebanyak 912 juta benih patin disasarkan akan dikeluarkan menjelang Oktober.

"Jabatan melalui PPA Perlok, PPA Bukit Tinggi di Pahang dan PPA Tapah di Perak telah memfokuskan aktiviti pembenihan patin. Ia bagi menyokong permintaan benih semasa dengan sasaran 600,000 benih dikeluarkan, manakala benih selebihnya daripada pihak swasta.

"Di PPA Perlok sahaja, kita meningkatkan pengeluaran sekali ganda iaitu sebanyak 200,000 benih patin berbanding 100,000 benih sebelum ini," katanya di PPA Perlok, di sini semalam.

Menurutnya, dalam usaha meningkatkan penghasilan benih ikan patin, Jabatan Perikanan juga menggalakkan penyertaan pihak

hatcheri swasta untuk meningkatkan pengeluaran benih seperti dilakukan Syarikat Zam Aquatic.

Katanya, syarikat itu telah mengimport benih patin dari Indonesia pada peringkat larva dan dijaga sehingga saiznya satu inci

sebelum dijual kepada pusat asuhan lain di sekitar Jerantut.

"Galakan pembukaan nurseri baharu oleh pihak swasta juga akan diteruskan dengan mengunakan kaedah terkini iaitu 'bio-flok' yang mengeluarkan benih

MUHAMMAD NUR ASHRY (kanan) melihat proses pembenihan ikan patin di PPA Perlok, Jerantut semalam.



BEKALAN PATIN MAKIN KRITIKAL
Stok hanya mampu bertahan beberapa bulan lagi ekoran kekurangan benih

KERATAN Kosmo! 26 Mei 2023.

lebih tahan lasak, kadar hidup lebih 95 peratus dan juga menjimatkan makanan ikan," ujarnya.

Katanya, kekurangan benih patin di negeri ini berlaku ekoran pelbagai faktor termasuklah cuaca tidak menentu, bencana ban-

dir dan kematian ikan patin yang dipelihara di dalam sangkar.

Jelasnya, kekurangan bekalan patin di Pahang mula ketara sejak kejadian banjir pada penghujung 2021, menyebabkan pembekalan benih utama dari Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu dan Pahang terjejas.

"Tengkujuh yang berlaku seawal Oktober 2022 menyebabkan penternak mengurangkan aktiviti ternakan kerana bimbang banjir berlaku semula.

"Permintaan bekalan benih patin amat tinggi kerana semua penternak memulakan ternakan secara serentak di seluruh negara selepas banjir 2022/2023 khususnya di Pahang," ujarnya.

Baru-baru ini Kosmo! melaporkan bekalan ikan patin sangkar di Jerantut dan Temerloh semakin kritikal, malah dijangka hanya mampu bertahan dalam tempoh beberapa bulan lagi ekoran kekurangan benih ikan.

Selain menjelaskan sumber pendapatan pengusaha ikan sangkar, keadaan itu menyebabkan penggemar ikan patin seluruh negara bakal kepunahan untuk terus menikmati keenakan ikan itu terutama masakan patin tempoyak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30



MUHAMMAD NUR ASHRY Bassari (kiri) melihat seorang kakitangan memindahkan telur ikan patin ke tangki penetasan Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) Perlok, Ulu Cheka di Jerantut, Pahang.
- UTUSAN/
HARIS FADILAH AHMAD

9.12 juta benih ikan patin dijangka dikeluarkan Oktober ini

JERANTUT: Sebanyak 9.12 juta benih ikan patin dijangka dikeluarkan Oktober ini bagi mengatasi isu kekurangan benih sumber protein tersebut yang dihadapi golongan penternak lebih setahun lalu.

Tindakan proaktif itu giat dilakukan Jabatan Perikanan melalui Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) dan pengeluaran benih patin swasta.

Timbalan Pengarah Perikanan Pahang, Muhammad Nur Ashry Bassari berkata, jabatan itu melalui PPA Perlok dan Bukit Tinggi di negeri ini dan PPA Tapah, Perak sedang memfokuskan aktiviti pembenihan patin bagi menyokong permintaan benih semasa dengan sasaran 600,000 ekor

benih dikeluarkan selain selebihnya daripada swasta.

"Di Perlok sahaja kita meningkatkan pengeluaran sekali ganda iaitu sebanyak 200,000 benih patin berbanding 100,000 benih sebelum ini," katanya ketika ditemui di PPA Perlok di sini semalam.

Baru-baru ini, dilaporkan bekalan ikan patin sangkar di daerah Jerantut dan Temerloh bukan sahaja semakin kritikal, malah, dijangka hanya mampu bertahan dalam tempoh beberapa bulan lagi ekoran kekurangan benih ikan.

Muhammad Nur Ashry berkata, bagi meningkatkan penghasilan benih patin, Jabatan Perikanan juga menggalakkan penyertaan tempat

penetasan swasta seperti dilakukan Syarikat Zam Aquatic yang bergerak ke arah tempat penetasan dalaman.

"Sebagai langkah awal, syarikat ini sudah pun mengimport benih ikan patin dari Indonesia pada peringkat larva dan syarikat ini akan asuh sehingga saiz satu inci sebelum dijual kepada pusat asuhan lain di sekitar Jerantut.

"Galakan pembukaan nurseri baharu oleh pihak swasta juga akan diteruskan dengan menggunakan kaedah terkini iaitu 'bioflok' yang mengeluarkan benih lebih tahan lasak, kadar hidup asuhan lebih 95 peratus dan juga menjimatkan air, elektrik dan makanan," katanya.

'Bencana' jerebu jejas kesihatan, sektor pertanian

Oleh NURSYAHIDAH SAIDI
utusannews@mediatulla.com.my

PETALING JAYA: Malaysia perlu bersedia dengan 'bencana' jerebu yang dijangka mulai bulan ini hingga Oktober kerana Monsun Barat Daya melanda rantau selatan ASEAN sekali gus mengakibatkan gangguan kesihatan dan industri pertanian.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar perubatan kesihatan awam, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, beberapa tahun lalu, Malaysia dan ASEAN mengalami keadaan jerebu yang teruk berpunca daripada perubahan cuaca dan pembakaran terbuka yang berleluasa.

"Keadaan jerebu yang diramalkan ini dipengaruhi oleh perubahan cuaca panas dan kualiti udara yang tidak baik.

"Rakyat mesti bersedia menghadapi dengan keadaan aktiviti harian yang tidak selesa, panas akibat jerebu," katanya.

Justeru kata beliau, orang ramai dinasihatkan menggunakan pelitup muka dan kurangkan aktiviti luar yang mungkin amil masa yang lama.

Utusan Malaysia melaporkan, pihak berkuasa cuaca dan iklim memberi amaran akan berlakunya jerebu lebih serius di rantau selatan ASEAN antara Jun dan Oktober pada tahun ini.

Amaran itu dibuat ketika musim kemarau diramalkan berlaku lebih teruk dan berpan-



PELANCONG melihat pemandangan ibu negara dalam keadaan berjerebu ketika gambar dirakam dari Menara Kuala Lumpur. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

jangkan daripada biasa.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh memberitahu, situasi jerebu ini sememangnya sesuatu di luar kemampuan untuk dikawal kerana ia dibawa oleh angin, tetapi ia tetap perlu diberi perhatian.

"Jerebu tidak baik untuk kesihatan dan boleh menyebabkan gangguan kesihatan kepada manusia dan persekitaran.

"Kita perlu elakkan atau kurangkan sebarang aktiviti luar

terutama kepada mereka yang bekerja di luar seperti polis, pemandu lori, penghantar makanan, pemandu e-hailing, pelajar serta petani," katanya.

Pensyarah Kanan Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Malina Osman berkata, persekitaran dan manusia akan terkesan terhadap fenomena jerebu yang mungkin berlaku disebabkan bahan pencemar yang dibawa

angin dari Sumatera Barat ke Semenanjung.

"Jerebu mampu menjelaskan produktiviti tumbuhan industri pertanian kerana ia mengganggu pencahayaan yang diperlukan tumbuhan.

"Kesan yang akan dialami oleh manusia adalah keadaan kesihatan terutama golongan rentan," katanya.

Jelas beliau, perkara lain yang dikuatir adalah fenomena hujan berasid akibat jerebu yang memberi kesan kepada aspek kesihatan manusia, pertanian, serta ekosistem akuatik.



MOHD Syahrul dan Mohamad Syahir bergambar dengan hasil tangkapan ikan patin buah yang berjaya ditangkap menggunakan teknik jaring hanyut.



45 ekor patin buah hadiah kesabaran

Temerloh: Kesabaran dua sahabat menjerang ikan lebih lima jam membuahkan hasil lumayan apabila berjaya menjerat 45 patin buah di Sungai Temerloh dekat Kampung Pangsenam, di sini, Khamis lalu.

Terdahulu, Mohamad Syahir Hamka, 32, dan Mohd Syahrul Azlan, 30, sudah menear jaring sebanyak 39 kali, namun gagal memperoleh sebarang hasil tangkapan.

Mohamad Syahir berkata, dia dan sahabatnya sering turun ke sungai menangkap ikan dengan menggunakan teknik pukat hanyut, namun ia adalah kali pertama mereka memperoleh hasil lumayan.

Menurutnya, percubaan mereka kali ke-40 nyata tidak sia-sia apabila mendatangkan hasil lumayan selepas berjaya menjerat 45 ekor patin buah dengan berat antara 1.2 sehingga lima kilogram setiap seekor.

Katanya, mereka nekad menghanyutkan jaring buat kali terakhir sebelum berancang untuk pulang.

"Kejayaan itu menjadi pengalaman paling manis buat kami kerana memang tidak menjangka akan memperoleh hasil sebanyak itu.

1.2kg

Anggaran berat setiap ekor ikan patin buah berjaya ditangkap.

"Betullah orang kata rezeki tidak pernah salah alamat kerana pada malam itu saya sudah berputus asa, tetapi rakan saya tetap berkeras mahu mencuba sekali lagi dan saya bersyukur kami tidak pulang awal malam itu," katanya ketika ditemui, di sini.

Untuk rekod, ikan patin buah antara spesies ikan sungai yang mempunyai harga tinggi di pasaran iaitu mampu mencecah sehingga lebih RM180 sekilogram.

Menceritakan semula detik itu, Mohamad Syahir berkata, dia dan rakannya turun menangkap ikan bermula jam 2.30 petang hingga 8 malam.

"Jarak kami menghanyut pukat tidak sampai satu kilometer kerana memang teknik menghanyut hanya dibuat tidak sampai 10 minit

untuk setiap lubuk.

"Pada percubaan terakhir itu, jaring kami tersangkut di satu lubuk dan rakan berusaha melepaskannya, namun berasa ada tarikan seperti ikan sudah terkena jaring.

"Dia memberitahu sudah ada seekor ikan yang terkena jaring dan kami sepatutnya untuk mengangkatnya dan terus pulang kerana fikir sudah memadai dengan seekor ikan sebagai hasil tangkapan hari

itu. "Namun sebaik mengangkat jaring berkenaan, kami terkejut apabila melihat segerombolan ikan patin buah terkena pada jaring dan kami

mula mengira satu per satu," katanya.

Menurutnya, dia sempat merakam video hasil tangkapan ikan termasuk ketika proses mengangkat jaring berkenaan serta memuat naik ke media sosial TikTok dan mendapat lebih 200,000 jumlah tontonan.

Mohamad Syahir yang juga peniaga dan pengusaha ikan sangkar berkata, ikan patin buah terbabit berjaya dijual dalam masa tidak sampai sehari kepada orang kampung dan pemborong.

Katanya, kejayaan mereka berjaya menangkap 45 ekor patin buah itu memecah rekod penduduk kampung kerana sebelum ini ada yang berjaya menangkap 29 ekor ikan berkenaan kira-kira 20 tahun lalu.

"Saya sudah berputus asa, tetapi rakan saya tetap berkeras mahu mencuba"
Syahir

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

20 nelayan Vietnam ditahan ceroboh perairan negara

KUALA TERENGGANU:

Tindakan 20 nelayan warga Vietnam menceroboh perairan negara membawa padah apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu, Selasa lalu.

Pengarah Maritim negeri, Kepten Maritim Khairulanuar Abd. Majid berkata, nelayan itu ditahan di kedudukan 116 batu nautika dari muara Kuala Terengganu di sini, kira-kira pukul 1.20 petang.

Menurut beliau, pihaknya turut merampas bot, peralatan menangkap ikan, peralatan komunikasi dan navigasi, 300 kilogram ikan serta 2,000 liter diesel dengan nilai keseluruhan RM1.5 juta.

"Kita pada awalnya mengesan bot dalam keadaan mencurigakan kira-kira pukul 12.30 tengah hari sebelum kehadiran Maritim Malaysia disedari nelayan asing itu.

"Mereka cuba melarikan diri ke sempadan perairan Vietnam namun kecikapan anggota Maritim Malaysia berjaya menahan bot tersebut daripada terlepas hampir sejam kemudian.

"Pemeriksaan mendapati terdapat 20 kru termasuk tekong warga Vietnam berusia 18 sehingga 49 tahun tanpa dokumen pengenalan diri," katanya di sini semalam.

Jelasnya, tekong berkenaan gagal menunjukkan sebarang kebenaran atau lesen menangkap ikan di perairan Malaysia.

Khairulanuar berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mempamerkan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Melalui Op Naga Barat dan Op Kuda Laut, kita komited menangani pencerobohan nelayan asing yang mengaut kemewahan hasil laut kita," jelasnya.

2/6/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31

Cuaca, angin tidak menentu punca pendaratan ikan kurang di Port Dickson

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
utusannews@mediamulla.com.my

PORT DICKSON: Keadaan cuaca dan angin yang tidak menentu dilihat menjadi punca kurangnya pendaratan ikan oleh nelayan pantai di Port Dickson ketika ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan, Abu Bakar Dawam berkata, pendaratan ikan seperti jenis tenggiri dan parang juga semakin berkurangan sehingga tidak dapat memenuhi permintaan pengguna termasuk di daerah ini.

"Memang sekarang kurang ikan, nelayan sekarang ini kalau menjaring di tepi pun memang sudah kurang ikan, mahu dapat satu kilogram juga susah.

"Pada pengalaman saya, setiap tahun iaitu pada April merupakan musim timur, air laut jernih dan sejuk, memang kurang ikan setiap tahun pun begitu.

"Memasuki bulan Mei biasanya apabila masuk air dari selatan keadaan akan kembali pulih namun sehingga kini ia tidak berlaku. Air sudah masuk



CHAN Kam Meng menunjukkan keadaan Jeti Kampung Kuala Lukut Kecil, Port Dickson yang sunyi tanpa kehadiran nelayan ekoran ikan yang dikatakan semakin berkurangan di sepanjang kawasan tangkapan di perairan Port Dickson. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

namun cuaca dan angin sekarang tidak menentu. Sekarang ini, ikan parang, tenggiri, kerapu, ikan merah dan jenahak memang kurang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Baru-baru ini, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Ma-

laysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, Sabah akan membantu membekalkan ikan di Negeri Sembilan dan Melaka yang sedang mengalami kekurangan sumber protein itu apabila hanya mendaratkan makanan itu kurang daripada

5,000 tan metrik setiap bulan.

Dalam pada itu, Abu Bakar menjelaskan, jumlah hasil tangkapan nelayan di Negeri Sembilan iaitu di Port Dickson tidak mampu untuk memenuhi pasaran seluruh negeri ini.

Sementara itu, seorang lagi

nelayan di Jeti Kampung Kuala Lukut Kecil, Chan Kam Meng, 55, berkata, situasi kurangnya hasil tangkapan mula dirasai sejak penghujung tahun lalu dan berlarutan sehingga tahun ini.

Jelasnya, keadaan tersebut menyebabkan jumlah nelayan yang turun ke laut kini juga semakin berkurangan.

"Sekarang nelayan pun tidak mahu turun, kalau ada yang turun pun hanya dua, tiga bot untuk mencuba nasib.

"Tahun ini paling teruk, memang ikan tiada, saya pun tidak pasti mengapa. Saya rasa kerana cuaca, sudah tidak serupa seperti dahulu, sebelum ini nelayan sudah boleh buat pengiraan dan menjangka kehadiran jenis-jenis angin, tetapi sekarang sudah tidak tentu.

"Sebelum ini nelayan boleh masuk ke jeti selepas ke laut sekitar pukul 11 malam, air tingi, tetapi sekarang ini, air langsung tiada dekat jeti menyebabkan bot tidak dapat dibawa masuk. Memang sudah tidak menentu, ini juga menyebabkan pendapatan nelayan terjejas," katanya.

Peniaga terjejas hasil tangkapan ikan berkurang

PORT DICKSON: Kekurangan hasil tangkapan oleh nelayan turut memberikan kesan kepada jualan peniaga-peniaga ikan di Pasar Besar Port Dickson di sini.

Salah seorang peniaga ikan, Lee Kee Yik, 60, berkata, dia sememangnya menjual ikan seperti jenis tenggiri, parang dan jenahak yang merupakan hasil tangkapan dari nelayan-nelayan Port Dickson terutamanya dari kawasan Kuala Lukut.

Jelasnya, ketika ini bekalan ikan yang diperolehnya memang berkurangan yang sekali gus turut menjejaskan pendapatannya sebagai penjual.

"Saya menjual ikan hasil dari laut Port Dickson seperti tenggiri, jenahak, parang memang kami dapatkan daripada nelayan-nelayan di sini. Apabila ikan kurang, pembeli juga kurang pilihan dan hasil jualan



LEE KEE YIK

juga berkurangan.

"Nelayan memberitahu, ikan kurang sekarang ini disebabkan keadaan angin yang tidak menentu dan arus air luar juga ketika ini dikatakan agak kuat," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Baru-baru ini, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, Sabah akan

membantu membekalkan ikan di Negeri Sembilan dan Melaka yang sedang mengalami kekurangan sumber protein itu apabila hanya mendaratkan makanan itu kurang daripada 5,000 tan metrik setiap bulan.

Seorang peraih, Azimah Ahmad, 65, pula berkata, kekurangan hasil tangkapan menyebabkan nelayan juga semakin kurang turun ke laut.

"Malam kelmarin ramai nelayan yang turun ke laut namun masing-masing pulang hampa tanpa banyak hasil tangkapan. Malam semalam mereka tidak turun ke laut kerana mungkin tidak mahu terjadi perkara sama.

"Jika turun hasilnya tidak seberapa, bekalan pun kurang jadi memang saya tidak dapat hantar banyak ikan kepada peniaga-peniaga di pasar. Hanya beberapa ekor sahaja, apa boleh buat," katanya.